

## Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan



Anwar menyantuni warga MOF pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Penubuhan tangani pertindihan fungsi

Usaha kerajaan  
laksana  
pembaharuan  
perkhidmatan  
awam negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan, bagi menangani isu pertindihan fungsi yang boleh menyumbang kepada penjimatan dana negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sekretariat itu akan bertugas serta-merta dalam usaha kerajaan melaksanakan 'reform' atau pembaharuan terhadap perkhidmatan awam negara ini.

"Saya sudah putuskan baru-baru ini untuk Kementerian Kewangan (MOF), mewakili kerajaan keseluruhannya membentuk jawatankuasa dua hala, jawatankuasa mengemaskini rasionalisasi badan berkanun.

"Badan berkanun itu terlalu banyak dan bertindih (fungsi), rasionalisasi maknanya kurangkan keterlanjuran dan belanja," katanya ketika berucap pada perhimpunan Kementerian Kewangan, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Kelmarin, Anwar yang juga Menteri Kewangan, memberi gambaran bahawa lebih banyak pergerakan dan 'reform' atau

pembaharuan akan dapat dilihat dalam kalangan kakitangan awam sepanjang bulan ini.

Ketika menegaskan demikian, Perdana Menteri mahu semua pihak dalam sektor perkhidmatan awam berusaha meningkatkan kecekapan ke tahap 95 peratus.

Untuk itu, katanya, semua penjawat awam perlu melakukan terbaik dalam membawa perubahan ke arah kebaikan dan tidak sedar kekal di tahap sederhana.

Anwar turut mengarahkan langkah 'reform' yang dirancang dalam pentadbiran awam dilaksanakan dengan segera bagi memastikan semua usaha dapat berjalan dengan lebih berkesan.

"Penggabungan agensi dan jabatan, itu belum berlaku dengan memuaskan, pertindihan perjawatan, kadang-kadang yang kurang perlu itu belum di tingkat memuaskan.

"Laporan daripada ketua jabatan, ketua pengarah, ketua unit mengenai kelembapan, kecuaiannya beberapa pegawai, itu pun belum di tahap memuaskan," katanya.

### Pantau, teliti lantikan

Sementara itu, mengulas lanjut, Anwar berkata, usaha kerajaan melaksanakan 'reform' turut membabitkan pemantauan dan penelitian semua lantikan jawatan dalam lembaga pengarah badan berkanun serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Jelasnya, segelintir mereka yang memegang jawatan terbabit menganggap kedudukan itu sebagai habuan serta bermegah dengan kemewahan, walaupun ia sebenarnya adalah dana rakyat dan negara.

"Sebab itu pemantauan harus lebih teliti dan apabila lantik pengerusi baharu, yang pertama dia pastikan kereta apa, pejabat

diubah sedangkan pejabat (sedia ada) itu sudah cantik.

"(Di) Pejabat Menteri Kewangan, saya kata tak payah tukar, tak payah pinda, (kerana) ada dalam kalangan kita lupa, ini adalah amanah," katanya.

Selain itu, Anwar memberi peringatan, mana-mana wakil MOF dalam badan berkanun yang didapati tidak melaporkan pelanggaran peraturan kewangan akan diharamkan daripada lantikan badan terbabit pada masa hadapan.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan itu bagi memastikan isu keterlanjuran dalam badan berkanun berkenaan tidak berulang.

"Saya nak bagi peringatan. Kalau nampak ada kecelaruan dalam mana-mana agensi, anggota itu (wakil MOF) akan diharamkan daripada menduduki mana-mana (kerusi) lembaga pengarah (badan berkanun) selepas itu.

Dalam perkembangan sama, Anwar mengingatkan setiap kakitangan agensi di bawah MOF yang mengutip cukai supaya tidak takut dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan jaminan mempertahankan mereka selagi memegang amanah itu dengan baik.

"Kalau orang kaya dapat limpahan kekayaan begitu banyak, bersekongkol dengan kelompok elit untuk elak membayar cukai, jadi itu mendera rakyat. Jadi saya beri jaminan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri jalankan tugas dengan profesional.

"Kalau ada rayuan munasabah, berikan pertimbangan mengikut proses biasa tapi jangan gerun dengan mana-mana nama tanpa kecuali," katanya yang menegaskan beliau tidak akan tunduk dengan tekanan atau ugutan sepanjang memegang jawatan itu.